

# USIM terima dana RM150,000

SEREMBAN 8 Jan. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menerima dana sebanyak RM150,000 menerusi kerjasama antara Yayasan Tun Ismail (YTI) di bawah penubuhan inisiatif Kursi Profesional, baru-baru ini.

Wang itu merupakan sebahagian daripada keseluruhan dana RM300,000 yang diperoleh di bawah kerjasama antara YTI melalui Permodalan Nasional Berhad (PNB) bagi menerokai bidang kewangan Islam menerusi inisiatif tersebut.

Dana tersebut akan digunakan bagi penganjuran program seperti syarahan umum membabitkan tokoh akademik yang membincangkan topik dan isu kewangan Islam

di peringkat tempatan dan global.

Naib Canselor USIM, Prof. Dr. Asma Ismail berkata, USIM sebagai institusi pendidikan yang membawa pendekatan Islam melihat bidang kewangan Islam adalah antara bidang tujahan penting yang wajar dipelopori.

"Kerjasama dan kepercayaan yang ditawarkan Yayasan Tun Ismail dan PNB secara tidak langsung dapat memperkenalkan USIM secara lebih meluas kepada pemain industri kewangan Islam," katanya.

Asma berkata demikian selepas menghadiri majlis penyerahan cek dana berkenaan yang disampaikan Naib Presiden I, Bahagian Pemba-

ngunan Pendidikan dan Komunikasi Korporat PNB, Aziz Anuar di universiti berkenaan, di sini baru-baru ini.

Menurutnya, inisiatif itu secara tidak langsung membolehkan universiti berkenaan menjadi pemangkin kepada trónsformasi kewangan Islam tempatan.

Sementara itu, Anuar memberitahu, kerjasama itu akan menjadi titik permulaan kepada kerjasama lain Universiti Sains Islam Malaysia.

**ASMA Ismail menerima cek dana Kursi Profesional yang disampaikan oleh Aziz Anuar di Universiti Sains Islam Malaysia, Seremban, baru-baru ini.**

